

05/10/2000

Mufti Perak dinaikkan taraf

Shamsul Kamal Amarudin

IPOH, Rabu - Kerajaan Perak menaikkan taraf Mufti negeri, Datuk Seri Harussani Zakaria dari jawatan S1 kepada Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa) C, sebagai mengiktiraf sumbangan serta ketokohan beliau dalam hal-ehwal Islam terutama fatwa.

Sehubungan itu, Harussani bakal menikmati kemudahan termasuk elaun anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) selain dibenarkan mengambil bahagian dalam Mesyuarat Exco, walaupun beliau tidak dilantik sebagai anggota majlis itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata keputusan menaikkan taraf jawatan Mufti yang mendapat perkenan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah dibuat atas dasar 'personal to holder'.

"Keputusan itu dibuat kerana ketokohan Harussani sendiri. Beliau seorang yang cekap dan berkebolehan malah dihormati di Perak serta di seluruh negara.

"Negara sudah menerima Harussani malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga menghargai beliau.

"Maka atas sebab itulah kita menaikkan taraf jawatan Mufti dan beliau akan menikmati kemudahan seperti anggota Exco," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di sini, hari ini.

Ketokohan Harussani diakui pelbagai pihak, malah beliau adalah antara tokoh agama yang lantang mengeluarkan hujah serta pendapat mengenai sesuatu isu terutama berhubung hal ehwal fatwa.

Tajol Rosli berkata, Harussani akan dibenarkan mengambil bahagian dalam Mesyuarat Exco jika ada perkara membabitkan hal ehwal Islam dibincangkan.

"Walaupun kita ada Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Pendidikan negeri, Datuk Dr Abdul Malek Md Hanafiah, tetapi sumbangan Harussani masih diperlukan jika mesyuarat membincangkan hal ehwal agama Islam.

"Cuma Harussani bukanlah seorang anggota Exco kerana jika beliau mahu dilantik jawatan itu, kita perlu pula meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak," katanya.

(END)